



---

BAHAGIAN PENDIDIKAN TINGGI MARA

---

# GARIS PANDUAN PERMOHONAN

---

KEMASUKAN KE

ASASI KOLEJ MARA SESI 2024/2025

DIPLOMA DAN INTENSIF BAHASA INGGERIS (IEP)

KOLEJ PROFESIONAL MARA SESI 2 2024/2025

DIKEMAS KINI PADA: 24 MEI 2024

---



TINGKAT 12, BANGUNAN IBU PEJABAT MARA,  
21, JALAN MARA, 50609 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
03-26134074 / 4075 / 4076 / 4077  
[upim.bpt@mara.gov.my](mailto:upim.bpt@mara.gov.my)  
@hiedumara

## 1. PENGENALAN

### 1.1 Program Diploma Dan Intensif Bahasa Inggeris (IEP) Kolej Profesional MARA

Permohonan adalah dipelawa kepada calon yang telah menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Sijil dalam bidang berkaitan pada tahun 2023 dan ke bawah untuk melanjutkan pengajian ke peringkat diploma dan Program Intensif Bahasa Inggeris (IEP) di Kolej Profesional MARA (KPM) Sesi 2 2024/2025 yang ditawarkan kepada pelajar warganegara Malaysia bertaraf Bumiputera.

KPM menyediakan peluang lanjutan pengajian dalam bidang Perakaunan, Perniagaan Teknologi Maklumat, Pengurusan Perniagaan, Sains Komputer, Pengurusan Media Digital Kreatif, Komunikasi Bahasa Inggeris, Industri Halal, Pengurusan Logistik, Perniagaan Antarabangsa, Kewangan, Landskap & Hortikultur serta Pemasaran. Program ini terdiri daripada empat belas (15) program diploma dan satu program persediaan seperti berikut:

i	Diploma in Accounting (DIA)
ii	Diploma in Accounting + <i>Certified Accounting Technician</i> (DCAT)
iii	Diploma in Accounting + SAP s/4HANA Financial Accounting Associates Certification
iv	Diploma in Business Information Technology (DBIT)
v	Diploma in Business Studies (DBS)
vi	Diploma in Computer Science (DCS)
vii	Diploma in Computer Science + SAS@Certified Specialist: Visual Business Analytics Certification
viii	Diploma in Marketing + Certified Professional Marketer (Asia) Certification
ix	Diploma in English Communication + Sijil Penterjemahan Bahasa ITBM (DEC)
x	Diploma in Entrepreneurship (DEN)
xi	Diploma in Halal Industry + Halal Executive Certification (DHI)
xii	Diploma in Integrated Logistics Management + Chartered Institute Of Logistics And Transport (DLM)
xiii	Diploma in International Business (DIB)
xiv	Diploma in Islamic Finance + Associate Qualification In Islamic Finance (DIF)
xv	Diploma in Landscape & Horticulture (DLH)
Xvi	Intensive English Programme (IEP)

## 1.2 Program Asasi Kolej MARA

Permohonan dipelawa kepada calon yang telah menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) **pada tahun 2023 bagi kali pertama**, untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Asasi Kolej MARA dan seterusnya melayakkan pemohon untuk mendapatkan pinjaman pelajaran MARA ke pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam (IPTA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) atau Institusi Pendidikan MARA (IPMA) yang terpilih. Program Asasi Kolej MARA Tahun 2023 merupakan program kepada pelajar Bumiputera bagi mengikuti pengajian peringkat Asasi di Kolej MARA dalam kluster Perniagaan, Kejuruteraan dan Teknologi serta Sains. Program pengajian ini terdiri daripada senarai seperti berikut:

PROGRAM ASASI KOLEJ MARA	UNIVERSITI	PROGRAM IJAZAH YANG DITAWARKAN
Asasi Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Universiti Kuala Lumpur (UNIKL)</li> <li>• Multimedia University (MMU)</li> <li>• Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)</li> <li>• UCSI University</li> <li>• Taylor’s University</li> <li>• Asia Pacific University of Technology &amp; Innovation (APU)</li> </ul>	<p style="text-align: center;"><b>!!PENTING!!</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Sila klik pautan dibawah untuk maklumat lanjut berkaitan program ijazah yang ditawarkan</b></p> <p style="text-align: center;"><a href="https://hi-edu.my/permohonan-km-2023/">https://hi-edu.my/permohonan-km-2023/</a></p>
Asasi Kejuruteraan dan Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Universiti Kuala Lumpur (UNIKL)</li> <li>• Universiti Teknologi Malaysia (UTM)</li> <li>• Universiti Teknologi Petronas (UTP)</li> <li>• Multimedia University (MMU)</li> <li>• Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)</li> <li>• Universiti Malaysia Pahang (UMP)</li> <li>• UCSI University</li> <li>• Taylor’s University</li> <li>• Asia Pacific University of Technology &amp;</li> </ul>	
Asasi Sains	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Universiti Kuala Lumpur (UNIKL)</li> <li>• Management &amp; Science University (MSU)</li> <li>• Malaysian Allied Health Sciences University (MAHSA)</li> <li>• UCSI University</li> </ul>	

## 2. GARIS PANDUAN PERMOHONAN

Berikut adalah garis panduan dan tatacara permohonan:

- 2.1 Permohonan dibuka secara dalam talian (*online*) di laman sesawang MARA [www.mara.gov.my](http://www.mara.gov.my) serta laman sesawang Unit Pusat Institusi MARA (UPIM) <https://hi-edu.my/> bermula **27 Mei 2024** sehingga **30 Jun 2024**.
- 2.2 Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini atau meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja akan diambil kira untuk tujuan penyimpanan data.
- 2.3 Calon hendaklah memastikan proses permohonan adalah lengkap dengan mencetak Slip Pengesahan Permohonan sebagai bukti permohonan telah dibuat. Bukti permohonan calon yang telah dicetak tidak perlu dihantar dan hanya untuk simpanan calon sahaja.
- 2.4 **Calon dinasihatkan untuk membaca syarat kelayakan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan.**

KOLEJ MARA : <https://hi-edu.my/permohonan-km-2023/>

KOLEJ PROFESIONAL MARA : <https://hi-edu.my/programkpm/>

## 3. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **30 Jun 2024 pada jam 11:59 malam**. Sebarang permohonan selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

#### 4. SEMAKAN KEPUTUSAN PERMOHONAN DAN RAYUAN

- 4.1 Keputusan permohonan akan diumumkan melalui laman sesawang UPIM di <https://hi-edu.my/> bermula pada **08 Julai 2024**.
- 4.2 Sebarang permohonan pertukaran program dan pertukaran kolej adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 4.3 Permohonan rayuan boleh dibuat secara dalam talian (*online*) melalui Sistem UPIM di laman sesawang <https://hi-edu.my/> bermula **08 Julai 2024**.
- 4.4 Semakan keputusan rayuan program Diploma Kolej Profesional MARA dan Asasi Kolej MARA boleh disemak bermula **16 Julai 2024** di laman sesawang <https://hi-edu.my/> selepas jam **03.00 petang**.

Fasa Semakan	Tarikh Semakan	Tarikh Lapor Diri di Kolej	
		Kolej Profesional MARA	Kolej MARA
Semakan Permohonan	08 Julai 2024	<b>25 Julai 2024</b>	<b>29 Julai 2024</b>
Semakan Rayuan Fasa 1	16 Julai 2024		
Semakan Rayuan Fasa 2*	21 Julai 2024		

**\* Tertakluk kepada perubahan dan kekosongan penempatan**

## 5 KRITERIA PEMILIHAN

5.1 Memenuhi Syarat Am kemasukan adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Berstatus Bumiputera bagi pemohon DAN ibu ATAU bapa; dan
- iii. Berumur 18 tahun pada tahun 2024 bagi permohonan ke Kolej MARA (calon SPM tahun semasa sahaja)
- iv. Berumur 18 tahun sehingga 35 tahun bagi permohonan ke Kolej Profesional MARA

5.2 MARA juga mempertimbangkan calon-calon yang memenuhi kriteria berikut:

- i. Ibu / bapa tidak disenarai hitam oleh MARA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh pihak MARA;
- ii. Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk pengajian atau peringkat yang sama.
- iii. Pemohon perlu lulus pemeriksaan kesihatan dan mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan bertauliah;
- iv. Pemohon perlu bebas daripada masalah kesihatan mental dan mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan bertauliah; dan
- v. MARA mempertimbangkan pemohon berkeperluan khas dengan kemudahan yang terhad.

5.3 Sekiranya calon didapati memberikan maklumat palsu, MARA berhak pada bila-bila masa **menamatkan atau menarik balik tawaran pengajian.**

## 6. MEKANISME PENGAJIAN KOLEJ PROFESIONAL MARA DAN KOLEJ MARA

### 6.1 Kolej Profesional MARA

a.	Diploma in Accounting (DIA)
b.	Diploma in Business Information Technology (DBIT)
c.	Diploma in Business Studies (DBS)
d.	Diploma in Computer Science (DCS)
e.	Diploma in Computer Science + SAS@Certified Specialist: Visual Business Analytics Certification
f.	Diploma in English Communication + Sijil Penterjemahan Bahasa ITBM (DEC)
g.	Diploma in Entrepreneurship (DEN)
h.	Diploma in Halal Industry + Halal Executive Certification (DHI)
i.	Diploma in Integrated Logistics Management + Chartered Institute Of Logistics And Transport (DLM)
j.	Diploma in International Business (DIB)
k.	Diploma in Islamic Finance + Associate Qualification In Islamic Finance (DIF)
l.	Diploma in Landscape & Horticulture (DLH)

**Jadual 6A**

Calon-calon yang berjaya ditawarkan pengajian **program diploma KPM seperti dinyatakan di Jadual 6A di atas dan program Intensif Bahasa Inggeris (IEP)** akan menerima kemudahan seperti berikut:

- 6.1.1 Medium Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang digunakan bagi pengajian diploma KPM ini adalah Bahasa Inggeris.
- 6.1.2 Mod pengajian bagi program diploma KPM adalah dilaksanakan secara sepenuh masa.
- 6.1.3 Yuran Pengajian ditanggung sepenuhnya oleh pihak MARA.
- 6.1.4 Kemudahan asrama disediakan tertakluk kepada kekosongan. Keutamaan diberikan kepada pelajar semester 1.
- 6.1.5 Pemberian Elaun Sara Hidup (ESH) yang diberi sepanjang tempoh pengajian.
- 6.1.6 Pelajar yang Berhenti atau Ditamatkan Pengajian perlu membayar semula kemudahan ESH bergantung kepada jumlah ESH yang diterima sepanjang pengajian.

a.	<b>Diploma in Accounting + <i>Certified Accounting Technician</i> (DCAT)</b>
b.	<b>Diploma in Accounting + SAP s/4HANA Financial Accounting Associates Certification</b>
c.	<b>Diploma in Marketing + Certified Professional Marketer (Asia) Certification</b>

**Jadual 6B**

Calon-calon yang berjaya ditawarkan pengajian **program diploma KPM seperti dinyatakan di Jadual 6B di atas** pula akan menerima kemudahan seperti berikut:

6.1.7 Medium Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang digunakan bagi pengajian diploma KPM ini adalah Bahasa Inggeris.

6.1.8 Mod pengajian bagi program diploma KPM adalah dilaksanakan secara sepenuh masa.

6.1.9 Yuran Pengajian ditanggung sepenuhnya oleh pihak MARA.

6.1.10 Kemudahan asrama disediakan tertakluk kepada kekosongan. Keutamaan diberikan kepada pelajar semester 1.

6.1.11 Pelajar yang berjaya mengikuti pengajian tiga (3) program diploma seperti Jadual 6B dinyatakan di atas diminta untuk memohon pinjaman pelajaran MARA di bawah program TESP berpandukan syarat yang telah ditetapkan oleh MARA.

- Pelajar yang layak mendapat pinjaman Pelajaran MARA Program TESP akan menerima kemudahan seperti berikut:
  - ✓ Yuran Persijilan Profesional
  - ✓ Elaun Sara Hidup

6.1.12 Pelajar yang Berhenti atau Ditamatkan Pengajian perlu membayar semula pinjaman yang diterima sepanjang pengajian.



## 6.2 Kolej MARA

6.2.1 Calon-calon yang berjaya ditawarkan pengajian program Asasi Kolej MARA adalah tertakluk kepada terma perjanjian MARA seperti berikut:

KURSUS PERSEDIAAN	IJAZAH SARJANA MUDA
Pelajar akan mengikuti kursus persediaan Asasi Kolej MARA yang telah ditetapkan oleh pihak MARA	<p>Pelajar akan ditawarkan pinjaman pelajaran MARA selepas melepasi syarat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang telah ditetapkan untuk mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTTS) atau Institusi Pendidikan MARA (IPMA) yang tersenarai sahaja.</p> <p>Bidang Teknikal:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Asasi Kejuruteraan &amp; Teknologi (FET): 3.65/4.00</li><li>• Asasi Sains (FIS): 3.65/4.00</li></ul> <p>Bidang Bukan Teknikal:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Asasi Perniagaan: 3.75/4.00</li></ul>

6.2.2 Program Asasi Kejuruteraan & Teknologi, Asasi Sains dan Asasi Perniagaan dilaksanakan sepenuhnya di Kolej MARA Kuala Nerang.

6.2.3 Medium Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang digunakan bagi pengajian Asasi KM ini adalah Bahasa Inggeris.

6.2.4 Mod pengajian program Asasi Kolej MARA adalah dilaksanakan secara sepenuh masa.

6.2.5 Yuran Pengajian ditanggung sepenuhnya oleh pihak MARA.

6.2.6 Kemudahan Elaun Sara Hidup (ESH) yang diberi sepanjang tempoh pengajian Asasi di Kolej MARA.

6.2.7 Kemudahan penginapan asrama disediakan bagi semua pelajar sepanjang pengajian.

6.2.8 Kemudahan makan/minum disediakan bagi semua pelajar sepanjang pengajian.

6.2.9 Pelajar yang Berhenti atau Ditamatkan Pengajian perlu membayar semula kemudahan ESH bergantung kepada jumlah ESH yang diterima sepanjang pengajian.

<b>WAKTU URUSAN</b>		
<b>HARI</b>	<b>Isnin hingga Khamis</b>	<b>Jumaat</b>
<b>MASA</b>	9.00 pagi – 1.00 tengah hari	9.00 pagi – 12.15 tengah hari
<b>REHAT</b>	1.00 tengah hari – 2.00 petang	12.15 tengah hari – 2.45 petang
<b>MASA</b>	2.00 petang – 4.30 petang	2.45 petang – 4.30 petang
<b>TUTUP PADA SABTU, AHAD DAN CUTI KELEPASAN AM</b>		